

TARIKH	1 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6	RUANGAN	DLIM NEGERI

## Tabung Haji sedia bantu Bangsamoro

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Lembaga Tabung Haji sedia memberi kerjasama dalam hal ehwal pengurusan ibadah haji kepada penduduk wilayah autonomi Bangsamoro yang kini dalam proses pembentukan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (gambar) berkata, perkara tersebut antara yang dibincangkan dalam rangka lawatan kerja Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Mujiv Hataman ke Malaysia.

Katanya, Mujiv secara peribadi meminta Malaysia membantu mereka dalam pengurusan pelaksanaan ibadah haji,

"Kita sedia berbincang untuk memberikan bantuan. Saya telah menjemput Mujiv serta delegasinya melawat Tabung Haji esok untuk mendapatkan gambaran spesifik mengenai kaedah pengurusan haji Malaysia.

"Kita akan pertimbangkan sama

ada jemaah haji mereka boleh di-

terbangkan dari Malaysia atau Mindanao dengan menggunakan bantuan penerbangan yang diatur oleh Tabung Haji," katanya ketika ditemui selepas menerima kunjungan hormat delegasi Wilayah Autonomi Islam Mindanao pada Perhimpunan Agung UMNO 2012 di Pusat Da-

gangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Duta Filipina ke Malaysia, J. Eduardo Malaya.

Ditanya bila kerjasama itu akan bermula, Jamil Khir berkata, usaha itu bergantung kepada keadaan dan perbincangan kedua-dua pihak.

Menurut beliau, beberapa aspek khususnya berhubung kemudahan asas dan fasiliti iaitu lapangan terbang perlu diberikan perhatian terlebih dahulu.

"Kita tahu mereka ada sebuah lapangan terbang tetapi tidak pasti

sama ada mampu menampung pesawat-pesawat dari Malaysia. Kalau tidak mampu, berkemungkinan kita akan terbangkan jemaah haji mereka dari Malaysia," jelasnya.

Dalam pada itu, Jamil Khir menafikan dakwaan pembangkang kononnya kerajaan menutup sementara Masjid Ar-Rahman di Jalan Pantai Baru di sini atas tujuan politik.

Katanya, penutupan sementara itu adalah untuk memperbaiki bumbung masjid tersebut yang telah bocor.

